

'Jaga akhlak, tumpu ibadah' - pesanan Agong

Oleh Noor Afiqah Sulaiman - Jun 20, 2022 @ 12:14pm

bhnews@bh.com.my



Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menyampaikan cenderahati kepada jemaah ketika Majlis Mengucapkan Selamat Jalan Kepada Jemaah Haji di Sepang. NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenan menyantuni bagi mengucapkan selamat jalan kepada 291 jemaah haji di Kompleks Haji Sepang di sini, sebelum mereka berlepas ke Tanah Suci Makkah hari ini.

Kumpulan jemaah itu terdiri daripada 135 jemaah lelaki dan 156 jemaah wanita, yang dijadualkan berlepas dengan penerbangan Saudia Airlines (SV 5633) ke Jeddah jam 4.45 petang ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad.

Permaisuri Agong ketika membacakan titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, memanjatkan rasa syukur dan berbesar hati kerana rakyat negara ini berpeluang kembali menunaikan ibadat haji selepas perlu menanti selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.

Dalam titahnya, Al-Sultan Abdullah meminta jemaah menjaga akhlak dan menjauhkan segala anasir yang tidak sihat seterusnya boleh menjaskan imej serta nama baik negara.

"Semua jemaah haji harus mematuhi dan menghormati peraturan serta undang-undang yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi, demi menjaga hubungan kedua-dua negara yang sudah lama terjalin."

"Sepanjang berada di tanah suci, bakal jemaah haji hanya perlu menguatkan niat untuk melaksanakan ibadat haji dengan sempurna, selain memastikan semua nasihat dan arahan Tabung Haji dipatuhi," katanya.

Al-Sultan bertitah, hubungan erat yang sudah lama terjalin antara Malaysia dengan Arab Saudi menyumbang kepada jemaah haji berpeluang kembali ke Tanah Suci.

"Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi atas segala kerjasama dan bantuan diberikan," katanya.

Titah baginda, pada musim haji kali ini, hampir sejuta umat Islam dari pelbagai negara akan berhimpun di Tanah Suci dan sudah tentu perhimpunan besar berkenaan adalah sangat mencabar.

"Justeru, ia menuntut umat Islam untuk bersabar, bertoleransi dan berkasih sayang tanpa mengira warna kulit, bahasa, adat resam dan budaya."

"Sahutlah panggilan dari Allah dengan memperbanyakkan amalan wajib dan sunat sebagai tanda syukur atas segala nikmat yang dikurniakan."

"Hanya dengan pelaksanaan ibadat haji yang sempurna dan disulami pula dengan akhlak yang baik akan menjanjikan haji yang mabur," katanya.

Sementara itu, Idris berkata, pada tahun ini Tabung Haji menguruskan lebih 14,000 jemaah haji yang diterbangkan dengan 48 penerbangan sewa khas terus ke Tanah Suci bermula 4 Jun lalu sehingga 2 Julai ini.

"Ini adalah penerbangan haji yang ke-25 dan sehingga hari ini, seramai lebih 6,000 jemaah haji negara sudah pun selamat sampai dan berada di Kota Suci Makkah seramai 3,685 orang dan Madinah (2,672 orang)," katanya.